

MALAY LANGUAGE AND LITERATURE (H3)

BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU (H3)

Syllabus for 9921 H3 Malay Language and Literature

1 TUJUAN PEPERIKSAAN

Peperiksaan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 GCE Peringkat Lanjutan bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan pelajar dalam bidang bahasa dan kesusasteraan berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu H3 Peringkat Prauniversiti, Kementerian Pendidikan.

2 MATLAMAT

Matlamat kertas Bahasa dan Kesusasteraan Melayu H3 adalah untuk menilai keupayaan calon dalam perkara yang berikut:

- kemahiran linguistik dan kesusasteraan
- kemahiran penulisan kreatif
- kemahiran berfikir secara kritis

3 OBJEKTIF PENILAIAN

Calon dapat:

- menghasilkan satu penulisan asli yang kreatif
- membuat penilaian dan analisis teks yang diberikan
- memberikan respons secara kritis dan kreatif terhadap teks yang diberikan
- membandingkan secara kritis dan kreatif teks yang diberikan

4 FORMAT PEPERIKSAAN

Format kertas peperiksaan adalah seperti yang berikut:

Bahagian 1: Penulisan Ekspresif

Bahagian 2: Analisis Teks

KERTAS PEPERIKSAAN

Kertas ini dibahagikan kepada dua bahagian: Bahagian 1 dan Bahagian 2. Masa yang diperuntukkan ialah 3 jam.

Bahagian 1: Penulisan Ekspresif

Bahagian ini mengandungi 2 soalan. Calon dikehendaki menjawab **satu** soalan sahaja dan menghasilkan satu penulisan asli yang panjangnya tidak kurang daripada 400 patah perkataan. Calon dibenarkan menggunakan kamus.

Bahagian 2: Analisis Teks

Bahagian ini dibahagikan kepada dua bahagian: Bahagian A: *Sejarah Melayu* dan Cerpen dan Bahagian B: Teks Bebas (Prosa atau Puisi). Calon dikehendaki menjawab **satu** soalan sahaja untuk setiap bahagian. Soalan-soalan yang diberikan berbentuk *open-book*.

Bagi Bahagian A, soalan-soalan akan dikemukakan mengenai:

- i) isi cerita
- ii) perkembangan cerita atau plot
- iii) tema
- iv) perutusan yang disampaikan
- v) perwatakan
- vi) nukilan
- vii) perbandingan dua cerita/drama dari segi tema, perwatakan dan perutusan yang disampaikan

Bagi Bahagian B, calon dikehendaki menulis ulasan kritis bagi teks yang diberikan. Soalan-soalan lain akan dikemukakan mengenai:

- i) isi prosa/puisi
- ii) tema
- iii) perkembangan plot dalam prosa
- iv) perutusan dalam prosa/puisi
- v) perwatakan
- vi) nukilan
- vii) bentuk puisi
- viii) aliran puisi
- ix) corak puisi
- x) unsur-unsur persajakan
- xi) perbandingan antara dua prosa/puisi dari segi tema, isi, bentuk dan perutusan yang disampaikan

BUKU TEKS YANG DITETAPKAN

i) *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*
(Cetera 1-5)

A Samad Ahmad
(*Dewan Bahasa & Pustaka*)

ii) *Cerpen*

Pengarang

a) *Sisa*

Hadjah Rahmat (The Fiction of Singapore, Anthology of Asean Literature, Vol 3:22-34)

b) *Ke Mana Hati Hendak Kubawa*

M. Fuad Salim (The Fiction of Singapore, ibid)

c) *Kembalilah Mama*

Maya (Anak Bumi, Majlis Bahasa 2003)

d) *Lembu*

Ismail Wardi (Anak Bumi, ibid)

e) *Igauan Siang Hari*

Saedah Saat (Anak Bumi, ibid)

JADUAL PENGKHUSUSAN BAGI BAHASA DAN KESUSASTERAAN MELAYU (H3)

KERTAS (MASA)	KOMPONEN	BIL SOALAN	(TIMBANGAN %) MARKAH	CATATAN
1 (3 jam)	<u>Bahagian 1: Penulisan Ekspresif</u>		(50%) 50	
	a Karangan (Drama/Cerpen) atau	2 (Jawab 1)		Tidak kurang daripada 400 patah perkataan
	b Esei (Ulasan)			
	<u>Bahagian 2: Analisis Teks</u>		(50%) 50	
Bahagian A - <i>Sejarah Melayu</i> atau Cerpen	2 (Jawab 1)	25	Teks yang diberikan telah ditetapkan.	
Bahagian B - Prosa/Puisi	2 (Jawab 1)	25	Teks yang diberikan tidak ditetapkan.	
JUMLAH			100% 100	